

# Terengganu ikrar jadi kubu kuat BN

BAH- 10/6/2007

Oleh Nazura Ngah

**K**UALA TERENGGANU: Terengganu bakal muncul sebagai kubu terkuat Barisan Nasional (BN) dalam tempoh dua penggal akan datang berdasarkan hasil kajian peningkatan sokongan di kalangan rakyat negeri ini.

Pengerusi BN Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata hasil kajian mendapati undi popular mampu meningkat lebih lima peratus setiap kali pilihan raya umum diadakan sehingga mampu mencecah 70 peratus dalam tempoh berkenaan.

Beliau berkata, dalam tempoh tiga penggal pemerintahan semula BN,

parti dijangka mampu meningkatkan undi popular sebanyak 20 peratus berbanding 50 peratus sebelum Pilihan Raya Umum ke-11, Mac 2004.

Katanya, berdasarkan kajian dilakukan pakar perunding, undi popular yang diraih ketika ini iaitu 56 peratus dijangka terus meningkat kepada lebih 60 peratus pada pilihan raya umum akan datang.

"Beri masa tiga penggal, kepimpinan akan menjadikan Terengganu negeri terkuat untuk BN.

"Jika sekarang Johor dikenal pasti negeri paling kuat rakyat menyokong Umno, kita akan pastikan peningkatan lima peratus undi popular setiap pilihan raya umum.

"Kita akan lihat sokongan 70 peratus kepada BN/Umno Terengganu dalam masa tiga penggal dengan menjadikan Johor sebagai penanda aras," katanya selepas melancarkan Jentera Pilihan Raya Puteri Umno Terengganu, di Pusat Dagangan Terengganu, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad dan Ketua Puteri Umno Terengganu, Senator Nordiana Shafie.

Idris berkata, peratusan undi popular diperoleh menerusi kajian peningkatan sokongan secara saintifik dilakukan pakar perunding menerusi pelbagai pendekatan, antaranya mengambil kira pandangan rakyat, peningkatan sosio ekonomi, perkhidmatan kepada rakyat bertambah baik, selain pencapaian yang melebihi janji dalam manifesto pilihan raya.

Beliau berkata, Terengganu juga menjadi pelopor kepada negeri lain melaksanakan pelbagai program pembangunan termasuk modal insan.



**PERKUKUH JENTERA:** Idris bersama Noraini (kiri) dan Nordiana (tiga dari kiri) melancarkan jentera pilihan raya Pergerakan Puteri Umno Terengganu, di Pusat Dagangan Terengganu, semalam.

Katanya, sokongan terus meningkat kerana kerajaan melaksanakan tugas dan tanggungjawab memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Bagaimanapun, katanya sokongan terhadap pembangkang akan terus wujud kerana sifat semula jadi ma-

nusia akan terus mengkritik dan dijangka sokongan terhadap parti pembangkang terus kekal 30 peratus.

"Dalam parti sendiri pun ada yang sentiasa mengkritik pemimpin, keadaan itu akan berlaku, tetapi dalam tempoh dua penggal akan datang kekuatan BN dan Umno berada pada tahap hebat.

"Ketika itu, Pas tidak lagi relevan, apa yang dilakukan kerajaan BN mengatasi apa yang terfikir pemimpin Pas. Sokongan terhadap Pas akan terus terhakis dari semasa ke semasa," katanya.

Idris berkata, dalam usaha memastikan BN terus mendapat sokongan rakyat, tumpuan lebih diberikan kepada Umno Bahagian Kuala Terengganu dan Marang kerana kawasan Parlimen itu masih mempunyai kerusi pembangkang.

## FAKTA NOMBOR

Peratusan undi popular  
BN di Terengganu

**50**

Ketika pemerintahan Pas

**60**

Pada Pilihan Raya Umum ke-12